

20 MAY 1999

Hasmah-Bakti

ISTERI WAKIL RAKYAT DISERU TERUS TABUR BAKTI KEPADA MASYARAKAT

JOHOR BAHRU, 20 Mei (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini menyeru isteri wakil-wakil rakyat serta golongan yang sentiasa mendapat tumpuan, supaya terus memainkan peranan untuk menabur bakti kepada masyarakat.

Setiap amal yang dilakukan itu hendaklah secara sukarela tanpa mengharapkan apa-apa balasan atau pengiktirafan yang berlebihan, katanya.

"Kita harus terus memainkan peranan untuk memastikan sesuatu perkara itu berjalan berterusan di samping memperbaiki segala kekurangan agar ia membawa kesan positif kepada masyarakat," katanya ketika berucap merasmikan Dewan Badminton "Mutiara Juita" di Kompleks Sukan Wanita Juita di Jalan Mariamah, di sini.

Majlis perasmian itu diadakan bersempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri ke Johor selama dua hari, mulai hari ini.

Perdana Menteri dan isteri tiba di sini dari Pulau Batam, Indonesia selepas mengadakan perbincangan dengan Presiden Indonesia B.J Habibie pada sebelah pagi.

Dr Siti Hasmah yang juga Pengerusi Penasihat Badan Amal Isteri-isteri Wakil-wakil Rakyat Negeri Johor (JUITA) berkata, sebagai anggota badan-badan amal, setiap anggota perlu bertanggungjawab untuk bersama-sama merancang dan menjalankan tanggungjawab yang diberikan.

"Sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada badan amal yang kita sertai hendaklah ada dalam diri kita agar segala inpirasi dan objektif murni yang ditetapkan tercapai," katanya.

Turut hadir ialah isteri Menteri Besar Datin Prof. Jamilah Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan dan Hal-Ehwal Wanita, Halimah Sadique.

Dewan Badminton yang bernilai RM500,000 itu mempunyai kemudahan dua gelanggang badminton khusus untuk wanita dan golongan tua. Ia dibina atas hasil kutipan derma dan sumbangan orang ramai dan badan-badan bukan kerajaan di negeri ini.

-- BERNAMA

RAM PR